

## PENGARUH SIKAP DAN NILAI ISLAM TERHADAP NIAT UNTUK MENGHADIRI PROGRAM BAHASA INGGERIS DI MASJID

\*Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Nor Syamimi Iliani Che Hassan, Nor Hairunnisa Mohammad Nor, Nabihah Yusof

Academy of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
18500 Machang Kelantan

\*Corresponding author's email: [saiful673@kelantan.uitm.edu.my](mailto:saiful673@kelantan.uitm.edu.my)

*Submission date: 15 Feb 2018*

*Accepted date: 15 April 2018*

*Published date: 20 April 2018*

### Abstract

The introduction of English language programs at mosque is meant to enhance English proficiency among Muslims. The purpose of this study is to examine students' perceptions of their willingness to attend English language programs at mosques. Attitudes and subjective values of Islamic religion are assumed to influence individuals' intentions and encourage them to attend English language programs held at mosques. The influence of these two variables on students' willingness to attend the programs is reviewed. A total of 160 data were obtained from respondents who attended the January-March 2018 interim session. Students from five different faculties in Universiti Teknologi MARA Kelantan participated in this study. SmartPLS 3 was used to run the analysis. The result of the study revealed that attitude did not have influence on students' intention to attend English language programs at mosques. Meanwhile the subjective value of Islamic religion positively affected the respondents' intention to attend the programs. The findings provide a useful point of view in exposing affective components that encourage students to attend mosque-based English language programs. The findings suggest that the importance of English language from the religious point of view should be emphasized to motivate students to attend English language programs.

**Keywords:** Attitudes, values of Islamic religion, English language courses, mosques.

### Abstrak

Program pembelajaran bahasa Inggeris di masjid diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa ini dalam kalangan masyarakat Islam. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap niat mereka untuk menghadiri program bahasa Inggeris yang dijalankan di masjid. Faktor sikap dan nilai Islam diandaikan mempengaruhi niat seseorang individu dan mendorongnya untuk melaksanakan tindakan menghadiri program bahasa Inggeris di masjid. Pengaruh kedua-dua faktor ini terhadap niat pelajar untuk menghadiri program tersebut akan dikaji. Sebanyak 160 data diperolehi daripada responden yang mengikuti pengajian sesi Januari-Mac 2018 daripada lima program pengajian di UiTM Kelantan. Untuk tujuan analisis, SmartPLS 3 digunakan. Hasil daripada pengujian model kajian membuktikan hanya nilai Islam sahaja yang mempengaruhi secara positif niat responden untuk menghadiri program bahasa Inggeris di masjid. Sikap didapati tidak mempengaruhi niat mereka untuk menghadiri program tersebut. Hasil kajian ini memberikan sudut pandangan yang berguna dalam menyingkap komponen afektif yang mendorong pelajar menghadiri program bahasa Inggeris di masjid.

Secara lebih khusus, kepentingan bahasa Inggeris dari sudut nilai Islam perlu diberi penekanan untuk memotivasikan pelajar menghadiri program bahasa Inggeris di mana sahaja.

**Kata kunci:** Sikap, nilai Islam, niat, program bahasa Inggeris, masjid.

## 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Inggeris penting untuk kemajuan negara di sebalik peranan bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi di Malaysia. Ia merupakan bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa yang membolehkan penduduk dari pelbagai pelosok dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan antara satu sama lain (Jamil, 2002). Penggunaan bahasa Inggeris juga memudahkan penerimaan maklumat di samping dapat membantu meningkatkan pendidikan dan pengetahuan umum masyarakat. Secara tidak langsung, pembangunan negara dapat dicapai (Chew, 2008). Oleh itu, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang amat penting dalam bidang ilmu pengetahuan secara umum, pembangunan negara komunikasi antarabangsa, bidang teknologi dan bidang perniagaan (Thirusanku & Md Yunus, 2014). Bahasa Inggeris juga penting kerana kebanyakan buku ensiklopedia, buku rujukan, maklumat, penyelidikan dan khazanah ilmu yang lain kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris. Pada zaman teknologi maklumat ini, banyak alat teknologi yang canggih telah dicipta untuk memudahkan perhubungan masyarakat dengan dunia luar seperti internet dan laman web. Bahasa Inggeris merupakan bahasa telekomunikasi ataupun bahasa yang digunakan secara meluas dalam Internet.

Masjid merupakan institusi yang amat penting. Selain menjadi tempat ibadah, ia juga menjadi pusat pembangunan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh. Semenjak dahulu lagi masjid memainkan peranan yang penting sebagai pusat pendidikan dan penyampaian ilmu pengetahuan (Lokman & Musa, 1996). Antara bidang yang diajar di masjid ialah bahasa Arab dan cabangnya seperti *nahu*, *balaghah* dan sebagainya. Dewasa ini, ulama sudah menyedari kepentingan penguasaan bahasa Inggeris di sekolah aliran Arab. Menyedari kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi global, bahasa Inggeris mula diajar di masjid. Sebagai contoh, program pengajaran bahasa Inggeris di masjid telah di mulakan di Kelantan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sejak 2014 lagi. Program English@Masjid diperkenalkan bagi meningkatkan penguasaan bahasa ini dalam kalangan masyarakat Islam. Program yang bermula dengan dua buah masjid pada peringkat awal dan dikembangkan sehingga 12 buah masjid bandar dan jajahan telah memberi manfaat kepada lebih 1,200 pelajar sekolah menengah dan rendah yang dipilih khas daripada golongan *asnaf* (Utusan Online, 2014). Walaupun demikian, penglibatan pelajar daripada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta masih lagi belum diberi keutamaan. Ini menimbulkan persoalan berkaitan faktor yang akan mendorong mereka untuk menghadiri kelas bahasa Inggeris secara tidak formal yang akan dijalankan di masjid dalam keadaan mereka sudah pun mengikuti kelas pembelajaran bahasa Inggeris secara formal di universiti. Dengan mengambil kira perkara ini, adalah penting kajian dilakukan untuk mengenal pasti faktor yang akan mempengaruhi niat mereka untuk menghadiri program tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini secara terperinci dijalankan bertujuan untuk melihat pengaruh sikap dan nilai Islam terhadap niat mereka untuk menghadiri program bahasa Inggeris di masjid yang secara langsung akan memakmurkan penggunaan masjid dan fasiliti yang disediakan secara maksimum.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Niat

Dalam Islam, niat merupakan asas kepada setiap perlakuan atau tindakan. Setiap amalan bergantung kepada niat seseorang individu dan hanya niat yang ikhlas sahaja diterima oleh Allah SWT. Al-Suyuthi menjelaskan bahawa niat dapat difahami sebagai keinginan dalam melakukan sesuatu perbuatan bagi tujuan memperoleh redha dan melaksanakan hukum Allah (Mujiburrahman, 2011). Dalam bidang sains

sosial, niat merujuk kepada kesediaan seseorang untuk mengambil tindakan atau menerima sesuatu tingkah laku (Ajzen, 2002; Fishbein & Azjen, 1975). Semakin kuat niat seseorang untuk melakukan sesuatu, semakin tinggi kesediaan mereka untuk mencuba dan semakin tinggi kecenderungan mereka untuk melakukan sesuatu tindakan. Dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris, niat juga berperanan dalam mempengaruhi tindakan seseorang pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran bahasa (Livesey, 1992).

## **2.2 Persepsi pelajar terhadap niat mereka untuk menghadiri program pembelajaran Bahasa Inggeris di masjid**

### **2.2.1 Sikap**

Sikap didefinisikan sebagai kecenderungan untuk bertindak balas secara positif atau negatif terhadap sesuatu perkara seperti idea, objek, manusia atau situasi (Hosseini & Pourmandnia, 2012). Dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, sikap terhadap pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dipengaruhi oleh latar belakang budaya dan pengalaman silam seseorang pelajar terbabit (Truitt, 1995).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, dapatan kajian memperlihatkan pengaruh sikap terhadap niat seseorang untuk mempelajari bahasa Inggeris (Brown, 2000; Alhamami, 2018) dan memahami teks bahasa Inggeris (Ghaith & Bouzeineddine, 2003). Kajian-kajian ini secara umumnya memperlihatkan pengaruh sikap terhadap niat seseorang untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Oleh yang demikian, diandaikan sikap positif terhadap bahasa Inggeris akan mendorong seseorang untuk mempelajarinya di masjid.

### **2.2.2 Nilai Islam**

Nilai adalah satu bentuk motivasi yang mendorong seseorang untuk melakukan tindakan yang difikirkan perlu dilakukan. Ia mempengaruhi proses penetapan sesuatu matlamat dan mengekalkan matlamat tersebut (Feather, 1992). Nilai Islam penting dalam mempelajari bahasa Inggeris kerana nilai inilah yang mendorong mereka untuk meningkatkan tahap kecekapan berbahasa mereka untuk membolehkan mereka menerangkan maklumat berkaitan Islam dan menyebarkan Islam (Ur Rahman & Alhaisoni, 2013). Melalui penguasaan bahasa Inggeris, seseorang dapat berinteraksi dengan individu lain yang berbeza budaya untuk menerangkan Islam dan menterjemahkan sumber ilmu pengetahuan Islam yang berguna kepada seseorang yang ingin mengenali dengan lebih dekat tentang agama Islam (Osailan, 2009).

Kajian lalu menunjukkan nilai agama merupakan elemen penting yang mempengaruhi seseorang individu secara kognitif dan perbuatan (Alam et al., 2012). Nilai agama juga menyumbang kepada asas kepada pengetahuan yang mengawal sikap dan tingkahlaku seseorang individu (Foxall & Goldsmith, 1994). Walaupun demikian, pengaruh nilai Islam terhadap niat untuk mempelajari bahasa Inggeris belum dibuktikan secara empirikal oleh mana-mana kajian. Oleh itu, dijangkakan bahawa nilai Islam ini akan mendorong seseorang untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid.

## **3.0 KERANGKA KAJIAN DAN PEMBINAAN HIPOTESIS**


Kajian literatur yang telah dinyatakan sebelum ini menyediakan asas untuk mengembangkan kerangka kajian dan hipotesis bagi kajian yang akan dijalankan ini. Berdasarkan kepentingan sikap dan kepentingan mempelajarinya dari sudut pandangan Islam, kajian ini akan melihat persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris di masjid melalui pemboleh ubah sikap dan nilai Islam dalam mempelajari bahasa Inggeris. Secara terperinci, sikap dan nilai Islam dijangka akan berhubungan secara

positif dengan niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid. Oleh yang demikian, kerangka kajian diterangkan dalam Rajah 1 diikuti dengan dua hipotesis kajian.

H1: Sikap mempengaruhi secara positif niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid.

H2: Nilai Islam mempengaruhi secara positif niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid.

**Rajah 1 Kerangka Kajian**



#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Populasi kajian adalah pelajar yang sedang mengikuti pengajian di UiTM Cawangan Kelantan. Untuk memastikan sampel responden yang dipilih sesuai dengan matlamat kajian, teknik persampelan kebarangkalian rawak mudah digunakan. Jangkaan saiz sampel yang diperlukan bagi kajian ini ditentukan melalui penggunaan perisian G\*power 3.1 (Faul et al., 2009) iaitu dengan melihat jumlah pemboleh ubah kajian dan item kajian. Untuk mengira saiz sampel yang sesuai, perisian digunakan dengan menggunakan aras seperti berikut:  $f^2 = 0.15$  (sederhana),  $\alpha = 0.05$  dan bilangan peramal = 2 serta kuasa ditetapkan pada 80% (Gefen et al., 2011). Menggunakan formula di atas, saiz sampel yang diperlukan untuk menguji model ini adalah 68.

Kutipan data dilakukan menggunakan borang soal selidik. Setiap item soalan dirangka dan kemudiannya dilakukan pra ujian bagi memastikan kebolehpercayaannya. Kesemua item soalan menggunakan skala Likert 7 point. Pengumpulan data dilakukan pada bulan Januari tahun 2018. Walaupun saiz sampel yang diperlukan untuk mencapai kuasa peramalan yang ditetapkan hanya sebanyak 68 sahaja, sebanyak 180 borang soal selidik diedarkan dan 162 borang yang lengkap berjaya diperolehi daripada pelajar yang sedang mengikuti pengajian semester Januari-Mac 2018. Selepas dilakukan proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti pengesanan data terpencil, sebanyak 160 data dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya. Prosedur Permodelan Berstruktur Partial Least Square (PLS-SEM) dilakukan yang melibatkan dua peringkat analisis iaitu model pengukuran item dan model pengukuran struktur model.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

##### 5.1 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 160 orang pelajar di UiTM Cawangan Kelantan. Daripada jumlah tersebut, seramai 29% terdiri daripada pelajar lelaki manakala 71% adalah adalah pelajar perempuan. Lima fakulti terlibat dalam kajian ini iaitu fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Pengajian Maklumat, Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Seni Lukis dan Seni Reka dan Sains Komputer dan Matematik. Kebanyakan responden kajian berasal dari negeri Kelantan (45%), diikuti negeri Selangor (16%), negeri Terengganu (15%) dan baki 24% pelajar berasal dari negeri-negeri lain iaitu Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Johor dan Kuala Lumpur. Berdasarkan statistik yang diperolehi, 90% daripada responden kajian

mendapat pendidikan di sekolah menengah aliran biasa manakala hanya 10% daripada mereka berpendidikan sekolah menengah aliran agama. Hanya 08% daripada responden kajian pernah mengikuti kelas Bahasa Inggeris yang diadakan di masjid dan selebihnya 92% tiada pengalaman menghadiri kelas Bahasa Inggeris di masjid.

## 5.2 Penilaian Model Pengukuran

Jadual 1 menerangkan hasil ujian kebolehpercayaan dan kesahan konstruk konvergen. Kesahan konvergen merujuk kepada tahap sesuatu skala berkorelasi secara positif dengan skala lain dalam konstruk yang sama (Malhotra, 2002). Dapatan kajian menunjukkan kesemua item mencapai konsistensi dalaman yang tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994; Chin, 1998) dan purata varian diekstrak (AVE) dan kebolehpercayaan komposit (CR) yang mencukupi untuk mengesahkan kesahan konvergen (Hair et al., 2014).

Jadual 1 Ujian kesahan konvergen

Konstruk	Item	Muatan ( <i>Loading</i> )	Cronbach	rhoA	CR	AVE
SIKAP	B1	0.916	0.919	0.923	0.919	0.74
	B4	0.917				
	B5	0.786				
	B7	0.812				
NILAI ISLAM	I1	0.834	0.918	0.919	0.918	0.736
	I2	0.899				
	I4	0.823				
	I5	0.873				
NIAT	J2	0.936	0.941	0.943	0.941	0.8
	J4	0.834				
	J5	0.901				
	J7	0.903				

CR: Construct reliability, AVE: Average variance extracted

Kesahan diskriminan diperoleh menggunakan kriteria Fornell-Larcker (1981) seperti yang dijelaskan dalam Jadual 2. Merujuk kepada hasil ujian kesahan diskriminan, punca kuasa dua bagi AVE setiap konstruk lebih tinggi daripada korelasinya dengan konstruk lain. Dengan ini, kesahan diskriminan bagi setiap konstruk telah dicapai.

Jadual 2 Ujian kriteria Fornell-Larcker (1981)

	NILAI ISLAM	NIAT	SIKAP
NILAI ISLAM	<b>0.858</b>		
NIAT	0.883	<b>0.894</b>	
SIKAP	0.725	0.700	<b>0.860</b>


Kesahan diskriminan juga diperoleh melalui nilai HTMT. Heterotrait-Monotrait (HTMT) adalah ratio yang digunakan untuk mendapatkan kesahan diskriminan dalam PLS 3 (Henseler et al., 2015). Sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual 2, kesahan diskriminan di antara konstruk kajian berada di bawah nilai yang ditetapkan iaitu 0.90. Sekiranya nilai HTMT 0.90 atau lebih besar daripada 0.90 (Gold et al., 2001), nilai ini menunjukkan kewujudan masalah kesahan diskriminan. Semua nilai yang diperoleh

di bawah tahap HTMT 0.90 (Gold et al., 2001) dan ini menunjukkan kesahan diskriminan telah dicapai. Ratio Heterotrait-Monotrait (HTMT) diterangkan dalam Jadual 3 di bawah:

**Jadual 3 Ratio Heterotrait-Monotrait (HTMT)**

	NILAI ISLAM	NIAT	SIKAP
NILAI ISLAM			
NIAT	0.882		
SIKAP	0.724	0.697	

Hasil dua analisis kesahan diskriminan di atas membuktikan tidak terdapat isu kolineariti di antara item kajian dan kesemua item tersebut disahkan mengukur konstruk yang sepatutnya. Secara keseluruhan, kesemua item soal selidik yang digunakan telah menepati syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item kajian. Rajah 2 di bawah menunjukkan keputusan model pengukuran yang dilakukan menggunakan perisian SmartPLS 3. Apabila penilaian model pengukuran ini telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan, model pengukuran struktur akan dijalankan.



**Rajah 2 Keputusan Model Pengukuran**

### 5.3 Penilaian Model Struktur

Analisis *bootstrap* menggunakan kaedah persampelan semula sebanyak 5000 dilakukan untuk menjawab hipotesis kajian (Hair et al, 2014). Jadual 4 menunjukkan nilai pekali laluan yang ditunjukkan melalui nilai Beta bagi setiap laluan. Dapatan kajian menunjukkan hanya satu hipotesis kajian sahaja disokong. Hanya nilai Islam sahaja mempengaruhi niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid manakala pengaruh sikap didapati tidak signifikan. Dengan kata lain, hanya hipotesis 2 sahaja disokong sepenuhnya. Pengujian hipotesis ditunjukkan oleh Jadual 4 berikut:

Jadual 4 Ujian Pekali Laluan

Hipotesis	Hubungan	Beta	Ralat Standad (SE)	Nilai T	2.50%	97.50%	Keputusan
H1	SIKAP -> NIAT	0.125	0.087	1.442	-0.061	0.285	Tidak Disokong
H2	NILAI ISLAM -> NIAT	0.793	0.077	10.237**	0.643	0.951	Disokong

\* $p < 0.05$ , nilai t lebih besar daripada 1.645.

\*\* $p < 0.01$ , nilai t lebih besar daripada 2.33. N:160

Jadual 5 pula menunjukkan kualiti model kajian. Nilai Islam memiliki kesan yang besar terhadap niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid manakala sikap tidak mempengaruhi niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid. Nilai  $R^2 = 0.788$  menandakan bahawa sebanyak 79% daripada varian niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid diterangkan oleh dua pemboleh ubah kajian (sikap dan nilai Islam). Nilai relevan peramalan ( $Q^2$ ) menunjukkan kesemua pemboleh ubah bersandar mampu untuk meramal niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid (Hair et al. 2014). Kriteria terakhir yang menunjukkan kualiti model adalah analisis pengukuran kesepadanan global (GoF) untuk mendapatkan kesepadanan model kajian (Chin, 1998). Untuk itu, punca kuasa dua purata AVE didarab dengan  $R^2$  untuk mendapatkan nilai tersebut. Nilai yang diperoleh adalah tinggi iaitu 0.708, dan nilai ini telah melepasi tahap nilai yang dicadangkan oleh Akter, D'Ambra dan Ray (2011) iaitu  $GoF_{small} = .01$ ,  $GoF_{medium} = .25$  dan  $GoF_{large} = .36$ .

Jadual 5 Ujian Kualiti Model

Pemboleh ubah	$R^2$ varian diterangkan	Communaliti	$Q^2$ kerelevanan peramalan	$F^2$ (Saiz kesan)
				Niat
SIKAP		0.613		0.035
NILAI ISLAM		0.678		1.406
NIAT	0.788	0.615	0.550	
	<b>0.788</b>	<b>0.635</b>	<b>0.550</b>	<b>0.721</b>
Nilai GOF	<b>0.708</b>			(Besar)

## 6.0 PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris di masjid. Hanya satu hipotesis kajian sahaja disokong iaitu pengaruh nilai Islam terhadap niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid. Sikap tidak mempengaruhi niat mereka untuk mengikuti program tersebut.

Dapatan kajian ini telah memberikan sudut pandangan yang berguna terhadap persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris di masjid. Dalam situasi pembelajaran bahasa Inggeris di masjid, dapatan kajian ini mencadangkan niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid hanya dipengaruhi oleh

nilai Islam yang terdapat dalam bahasa Inggeris tersebut. Pada pandangan mereka, melalui penggunaan bahasa Inggeris, maklumat berkaitan Islam dapat diterangkan, agama Islam dapat disebarkan dan sumber ilmu pengetahuan Islam dapat diterjemahkan. Kesemua aktiviti ini menjadi pendorong kepada seseorang untuk mempelajari dan mendalami bahasa Inggeris (Ur Rahman & Alhaisoni, 2013; Osailan, 2009).

Dalam kajian ini, sikap didapati tidak mempengaruhi niat responden untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid. Walaupun berbeza dengan apa yang dijelaskan oleh teori yang mengandaikan sikap merupakan elemen penting yang menentukan niat seseorang untuk melaksanakan sesuatu tindakan (Ajzen, 2002), dapatan kajian-kajian lalu didapati menghasilkan dapatan yang tidak konsisten. Tidak kesemua kajian menghasilkan dapatan yang menyokong teori tersebut. Sebagai contoh, kajian Baker (1995) sikap tidak mempengaruhi terhadap niat untuk mempelajari bahasa Inggeris. Faktor pengalaman dilihat merupakan faktor penting yang mempengaruhi niat untuk mempelajari bahasa Inggeris. Selain itu, kajian Campbell (2008) juga mendapati sikap pelajar tidak mempengaruhi niat mereka untuk mempelajari bahasa asing iaitu bahasa Hispanic. Faktor yang dilihat memberikan impak yang lebih besar terhadap niat pelajar untuk menguasai bahasa tersebut adalah faktor motivasi. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa faktor sikap bukan merupakan faktor utama dalam menentukan niat seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan. Kewujudan faktor lain yang lebih dominan seperti pengalaman dan elemen motivasi mungkin akan menjadikan sikap tidak lagi memainkan peranan yang penting dalam menentukan niat seseorang.

Jika dilihat dari sudut kekuatan hubungan pemboleh ubah kajian terhadap niat untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid, didapati nilai Islam memberikan kesan yang besar terhadap niat tersebut. Niat seseorang untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid banyak dipengaruhi oleh nilai Islam pada bahasa tersebut. Walaupun kajian ini memperlihatkan sikap bukan pendorong kepada responden untuk mengikuti program bahasa Inggeris di masjid, pengaruhnya yang kecil masih lagi dikesan walaupun hubungannya tidak signifikan. Faktor sikap tidak boleh diabaikan dan ia mungkin merupakan faktor yang mempengaruhi niat seseorang untuk mengikuti program pembelajaran bahasa Inggeris di masjid sekiranya tiada faktor-faktor lain yang lebih signifikan seperti pengalaman dan sebagainya.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara ringkas, kajian ini telah menghasilkan implikasi yang bermakna untuk para sarjana, perancang polisi dan pendidik. Pertama, dari sudut teoritikal, kajian ini menambah bukti yang menunjukkan sikap bukan merupakan faktor dominan yang menentukan niat dan tingkah laku seseorang. Apabila faktor nilai Islam diambil kira, sikap bukan lagi merupakan faktor yang penting. Kebanyakan model sebelum ini tidak mengambil kira faktor nilai mana-mana agama sebagai salah satu faktor yang menentukan niat dan tindakan seseorang. Oleh yang demikian, kajian ini menyediakan bukti empirikal pengaruh nilai Islam terhadap niat seseorang untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dalam konteks pembelajaran secara tidak formal di masjid dan surau. Kedua, kajian ini memperlihatkan kemungkinan beberapa faktor lain yang mungkin menjadi pemangkin kepada hubungan di antara sikap dengan niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid dan surau. Faktor pengalaman dilihat berpotensi untuk menjadi pemangkin kepada pengaruh sikap terhadap niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid dan surau. Ketiga, dapatan kajian ini juga memberikan input yang berguna kepada pihak pengurusan, perancang polisi dan pendidik dalam meningkatkan lagi jumlah penyertaan masyarakat dalam program pembelajaran Inggeris di masjid dan surau. Pihak pengurusan dapat merancang aktiviti dan latihan kepada para pendidik untuk memberikan pendedahan secara sistematik kepada masyarakat berkaitan kepentingan pembelajaran bahasa Inggeris untuk tujuan agama Islam. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, objektif untuk meningkatkan bilangan peserta program pembelajaran bahasa Inggeris akan dapat direalisasikan.



Walaupun demikian, terdapat limitasi kajian ini yang perlu diberi keutamaan dalam kajian-kajian di masa akan datang. Pertama, kajian ini memberikan fokus kepada niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid dan surau di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di IPT. Kajian seterusnya perlu mengambil kira pelbagai golongan yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, dewasa dan golongan warga emas. Kedua, kajian ini melihat dua faktor afektif yang mempengaruhi niat untuk mempelajari bahasa Inggeris di masjid dan surau. Faktor kognitif seperti pengetahuan dan pengalaman mempelajari bahasa Inggeris atau faktor luaran seperti persekitaran dan lokasi program mungkin mempengaruhi niat seseorang individu. Ketiga, kajian ini berbentuk keratan rentas (*cross sectional*) yang mungkin akan memberikan dapatan yang berbeza jika dijalankan dalam bentuk jangka panjang. Oleh yang demikian, kajian-kajian di masa akan datang perlu mengambil kira semua limitasi dan batasan kajian ini untuk mendapatkan hasil analisis yang tepat dan menyeluruh.

## Rujukan

- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32, 665 – 683.
- Akter, S., D'Ambra, J., & Ray, P. (2011). Trustworthiness in Health information services: An assessment of a hierarchical model with mediating and moderating effects using partial least squares (PLS). *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 62, 100-116.
- Alam, S.S., Janor, H., Zanariah, C.A.C., Ahsan, M.N. (2012), Is religiosity an important factor in influencing the intention to undertake Islamic home financing in Klang Valley? *World Applied Sciences Journal*, 19(7), 1030-1041.
- Alhamami, M. (2018). Beliefs about and intention to learn a foreign language in face-to-face and online settings. *Computer Assisted Language Learning*, 31, 90 – 113. 10.1080/09588221.2017.1387154.
- Baker, C. (1995). *Attitudes and language*. Clevedon: Multilingual Matters LTD.
- Brown, D. H. (2000). *Principles of language learning and teaching* (4th Eds.). New York: Longman
- Campbell, L. (2008). *Attitudinal and Motivational Factors that Most Influence a Change of Attitude toward the Learning of Spanish Language and Culture*. Indiana State University: ProQuest Dissertations Publishing.
- Chew, F. P. (2008). *Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): Penerimaan dan Kesannya Terhadap Status Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chin, W. W. (1998). The partial least squares approach for structural equation modeling. In G. A. Marcoulides (Ed.), *Modern methods for business research* (pp. 295-358). Mahwah, NJ Lawrence Erlbaum Associates.
- Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A.-G. (2009). Statistical power analyses using G\*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods*, 41, 1149-1160.
- Feather, N.T. (1992). Values, valences, expectations, and actions. *Journal of Social Issues*, 48, 109–24.
- Fishbein, M., Ajzen, I. (1975), *Belief, Attitude, Intention and Behaviour: An Introduction to Theory and Research*. Reading: Addison-Wesley.

- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18 (1), 39-50.
- Foxall, G.R., Goldsmith, R.E. (1994), *Consumer Psychology for Marketing*. London: Routledge.
- Gefen, D., Rigdon, E. E., & Straub, D. (2011). An Update and Extension to SEM Guidelines for Administrative and Social Science Research. *MIS Quarterly*, 35(2), iii-A7.
- Ghazi M. Ghaith & Amal R. Bouzeineddine. (2003). Relationship Between Reading Attitudes, Achievement, And Learners' Perceptions Of Their Jigsaw Ii Cooperative Learning Experience. *Reading Psychology*, 24, 105–121. DOI: 10.1080/02702710390197444.
- Gold, A. H., Malhotra, A., & Segars, A. H. (2001). Knowledge management: an organizational capabilities perspective. *Journal of Management Information Systems*, 18(1), 185–214.
- Hair, J.F., Hult, T.M., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2014). *A Primer on Partial Least Square Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Henseler, J., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2015), A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115-135.
- Hosseini, S. B. & Pourmandnia, D. (2013). Language learners' attitudes and beliefs: Brief review of the related literature and frameworks. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 4, 63 – 74.
- Jamil, A.Z. (2002). *Melayu, Bahasa dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Livesey, D. J. (1992). Paper presented at the Annual Meeting of the Teachers of English to Speakers of Other Languages (26<sup>th</sup>), Vancouver, British Columbia, Canada, March 3-7, 1992.
- Lokman Ab. Rahman, Musa Ahmad. (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka.
- Malhotra, N.K. (2002). *Basic Marketing Research: Applications to Contemporary*. New Jersey: Prentice Hall International.
- Mujiburrahman. (2011). Fenomenologi Niat: Antara al-Ghazālī dan al-Sayūthī. *Kanz Philosophia*, 1( 2): 215-226.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. New York, NY: McGraw Hill.
- Osailan, G. (2009). *The English literacy experiences of advances Saudi EFL professionals in the United States* (Unpublished doctoral dissertation). Indiana University of Pennsylvania, Indiana, US.
- Thirusanku, J. & Md Yunus, M. (2014). Status of English in Malaysia. *Asian Social Science*, 10 (14): 254-260.
- Truitt, H. (1995). Beliefs about language learning: A study of Korean University students learning English. *Foreign Language Education*, 2, 12-28.

- Ur Rahman, M. M., & Alhaisoni, E. (2013). Teaching English in Saudi Arabia: Prospects and challenges. *Academic Research International*, 4(1), 112-118. Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/1352809310?accountid=17227>
- Utusan Online. (2016, Jun 9). *Kuasai Inggeris di masjid. Fungsi masjid tidak tertumpu kepada ibadah khusus*. Retrieved February 4, 2018 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/kuasai-inggeris-di-masjid-1.340301>
- Yamat, H., Umar, N. F. M., & Mahmood, M. I. (2014). Upholding the Malay Language and Strengthening the English Language Policy: An Education Reform. *International Education Studies*, 7(13): 197-205.